

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

SOALAN

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan statistik aduan salah laku jenayah siber khususnya "*scam*" yang masih berleluasa dan apakah bentuk tindakan efektif yang telah diambil bagi mencegah perkara tersebut daripada terus berlaku

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kegiatan penipuan ataupun 'scam' (dengan izin) sama ada secara dalam talian (online) ataupun luar talian (offline) adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Bank Negara Malaysia (BNM) atau agensi-agensi berkenaan; tertakluk kepada bentuk-bentuk penipuan yang dijalankan.
2. Dalam menangani kes-kes penipuan dalam talian, jalinan kerjasama erat antara pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan agensi penguatkuasaan seperti pihak PDRM, KPDNHEP, dan BNM telah pun sedia terjalin meliputi aspek bantuan teknikal berhubung siasatan, pembekalan maklumat, analisa forensik digital, serta pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

3. Daripada tahun 2018 hingga Oktober 2019, pihak SKMM telah menerima sejumlah 1,903 aduan awam berkaitan aktiviti berunsur penipuan, yang seterusnya dirujuk kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan seperti pihak PDRM, KPNDHEP, atau Bank Negara Malaysia (BNM) untuk perhatian dan tindakan lanjut di bawah bidang kuasa mereka
4. Dalam tempoh yang sama, 997 laman palsu yang dikenali sebagai laman “Phishing” telah disekat di bawah AKM 1998 melalui usahasama pemantauan institusi-institusi perbankan yang terlibat dalam Internet Banking Task Force (IBTF) yang diketuai oleh Bank Negara Malaysia.
5. Satu jawatankuasa penguatkuasaan bersepadu yang dikenali sebagai “Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC” telah ditubuhkan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan yang lebih strategik dan tersusun, termasuklah bagi perkara melibatkan isu penipuan dalam talian.
6. Kerjasama dan kolaborasi antara kedua-dua pihak khususnya dalam perkongsian maklumat dan kepakaran adalah bertepatan bagi melancarkan gerak kerja dan penguatkuasaan untuk menangani isu penyalahgunaan media sosial dengan lebih efektif.
7. Selain itu, pihak penyedia perkhidmatan komunikasi juga telah diarahkan untuk mengemaskini pangkalan data pelanggan talian telefon prabayar untuk memastikan bahawa semua nombor yang aktif disahkan dengan sewajarnya. Ini bagi mengelakkan ianya disalahguna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk tujuan penipuan dan seumpamanya.
8. Selain daripada itu, pihak Kementerian turut memberi keutamaan terhadap usaha meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung penipuan dalam talian. Bagi tujuan tersebut, pihak SKMM menggerakkan program-program advokasi pengguna menerusi kempen-kempen kesedaran di seluruh negara, serta melalui hebahan media massa bagi memupuk kesedaran dan kewaspadaan orang ramai.

9. SKMM turut menjalin kerjasama dengan Persatuan Bank Bank Malaysia (ABM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak tahun 2015 dalam kempen Klik Dengan Bijak (KDB) dengan mesej tentang Penipuan (Scam). Mesej advokasi ini dipromosikan melalui iklan akhbar, papan iklan, video dalam talian, iklan digital, serta hantaran media sosial melalui key opinion leaders (dengan izin).

10. Mesej advokasi KDB juga dimasukkan dalam modul latihan SKMM untuk melatih Pengurus dan Penolong Pengurus daripada 862 Pusat Internet awam di seluruh negara.